



13 OKTOBER 2015

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**“KPWKM SIAPSIAGA HADAPI BENCANA BANJIR TAHUN INI”**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun ini memantapkan kesiapsiagaan pengurusan bencana di pusat pemindahan dengan menggunakan Peraturan Tetap Operasi (PTO) yang telah dibuat penambahbaikan dari pelbagai aspek.

JKM juga telah menambah stok barangan sebagai langkah meningkatkan persediaan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi musim tengkujuh di tahap optimum. Pertambahan stok ini seiring dengan langkah JKM memastikan stok bekalan di lima (5) buah depoh di tahap optimum. Lima (5) buah depoh yang dimaksudkan ini terletak di Bedong (Kedah), Sungai Buloh (Selangor), Kemumin (Kelantan), Marang (Terengganu) dan Muar (Johor).

Pembekalan keperluan asas dan makanan kering di tahap optimum yang boleh menampung bekalan selama lima (5) hari kepada 320,000 mangsa. Selain itu, stok awalan keperluan bencana akan dibekalkan di stor Pusat Pemindahan dan Pangkalan Hadapan yang boleh menampung sekurang-kurangnya tujuh (7) hari penggunaan. Sebagai alternatif kepada penyediaan mini depot dan pangkalan hadapan, kontena juga akan digunakan pada tahun ini bagi menyimpan stok bekalan bencana.

JKM turut meningkatkan keperluan kepada mangsa dan petugas di pusat pemindahan seperti membekalkan pembahagi boleh lipat (*mobile partition*) sebanyak 15,000 set, *foam mat* sebanyak 12,000 unit, *walkie talkie* sebanyak 300 unit dan jaket keselamatan sebanyak 2,400 unit.

Pada tahun ini, JKM telah mengenalpasti **5,161 pusat pemindahan yang berkapasiti seramai 1,605,020 mangsa bencana**. Ia melibatkan penggunaan bangunan berkapasiti besar yang dapat menampung seramai lebih 2000 orang mangsa pada satu-satu masa serta perluasan penggunaan bangunan swasta dan persendirian. Penggunaan gudang atau kilang

sebagai pusat pemindahan merupakan salah satu langkah yang diambil dalam melaksanakan penambahbaikan dengan menggunakan bangunan yang bersesuaian di kilang tersebut seperti ruang dewan.

Bagi melancarkan proses persediaan menghadapi banjir, 7 Jawatankuasa di Pusat Pemindahan diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pendaftaran Mangsa, Jawatankuasa Bekalan Keperluan, Jawatankuasa Makanan, Jawatankuasa Kebersihan, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan, Jawatankuasa Aktiviti dan Jawatankuasa Sukarelawan.

Ini bertujuan mempertingkatkan keupayaan dalam mengurus dan mengendalikan bencana khususnya khidmat bantu di pusat pemindahan iaitu penyediaan urusan pendaftaran, memasak, pengedaran bantuan makanan, pakaian, selimut, tikar dan lain-lain keperluan bencana.

Dalam memantapkan peranan dan tanggungjawab pengurusan di pusat pemindahan, Program Simulasi Bencana telah dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah dengan menggunakan Modul Latihan Simulasi Bencana yang dibangunkan oleh JKM.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**